

# Perkongasian bestari perkukuh kerjasama negara Afrika — PM

UM 22 AUG 2001

KAMPALA (Uganda) 21 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dialog perkongasian bestari yang kini berkembang ke pelbagai rantau, berjaya mengubah minda pemimpin kerajaan, sekali gus memperkukuhkan kerjasama negara-negara Afrika membangunkan ekonomi secara kolektif.

Kata Perdana Menteri, sejak Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 1995, sikap kerajaan

negara-negara peserta khususnya rantau Afrika telah mengalami perubahan secara ketara bagi membentuk masa depan yang lebih baik.

“Saya merasakan sejak 1995, dialog ini secara praktikal telah mengubah minda pemimpin-pemimpin di negara-negara selatan dan timur Afrika.

“Saya berpendapat ini adalah baik kerana mereka menerima dan memahami perkongasian

bestari, mereka perlu membantu antara satu sama lain untuk memakmurkan yang lain,” kata beliau yang turut menyifatkan penyertaan negara-negara baru seperti Sudan dalam dialog ini sebagai perkembangan menarik.

Negara-negara rantau Afrika merupakan sebahagian besar peserta Global 2001 (SAID/LID).

Hasilnya, kata Dr. Mahathir mereka kini menghargai keperluan untuk menerima pelaburan

asing, keperluan untuk bekerjasama dengan sektor swasta, keperluan untuk bekerjasama dengan pekerja-pekerja.

“Mereka kini fokus ke atas usaha menarik pelaburan langsung asing. (FDI). Memang kita sudah biasa dengan FDI sejak mencapai kemerdekaan.

“Tetapi anda akan terkejut jika mendengar bahawa banyak

▶ Lihat muka 4

## Perkongasian bestari perkukuh kerjasama negara Afrika — PM

negara (Afrika) tidak mahu ada FDI,” tambahnya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas berucap pada majlis Makan Malam Perkongasian Bestari Munyonyo sempena Global 2001 di sini, semalam.

Perdana Menteri yang turut mengakui sukar untuk menilai pencapaian fizikal sejak dialog pertama 1995, tetapi kebanyakan peserta kini menikmati hasil tidak nyata seperti perubahan minda dan sikap.

“Dari segi pencapaian nyata secara fizikal, kita tidak boleh berharap untuk melihatnya dalam jangka waktu singkat ini.

“Tetapi pemikiran telah berubah. Mereka kini bercakap mengenai perkongasian bestari antara sektor swasta dan kerajaan.

“Saya merasakan perubahan ini lebih penting berbanding kejayaan-kejayaan fizikal,” jelas beliau.

Selain LID, dialog yang menggunakan konsep perkongasian bestari turut diadakan di rantau selatan Afrika dengan nama Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) sejak 1997 dan juga Dialog Antarabangsa Barbados (BID) pada 1996 dan 1999 serta Dialog Antarabangsa Caribbean (CID) 2001.

Dr. Mahathir yang dianggap sebagai perintis kepada usaha memperkenalkan amalan perkongasian bestari juga memberitahu, kini ramai rakyat Malaysia berupaya membuat pelaburan di negara-negara rantau Afrika ekoran kesediaan mereka menjalin kerjasama perdagangan dan perniagaan.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan negara rantau Afrika telah melaksanakan dasar menegarakan kepentingan asing sejurus selepas mencapai kemerdekaan sehingga menamatkan pelaburan asing.

“Bila pelaburan tidak datang, negara-negara

ini bukan sahaja tidak membangun, malah mereka sebenarnya menyusul (dengan tindakan awal itu),” katanya lagi.

Beliau tidak menafikan kewujudan sesetengah kumpulan pemimpin politik pembangkang di negara-negara tertentu yang menjejaskan pelaburan asing ke negara mereka.

“Ini (usaha melabur) bukan perkara mudah. Kita diminta menyertai dalam projek janakua, tetapi disebabkan sikap negatif pembangkang negara terbabit, projek itu tidak boleh dilaksanakan,” tambah beliau.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, kini dengan pertukaran idea di kalangan peserta dialog Global 2001 (SAID/LID), mereka merasakan bahawa negara-negaranya adalah sebahagian daripada ekonomi dunia.

Ditanya mengenai masa depan amalan konsep perkongasian bestari, Dr. Mahathir menambah, negara-negara peserta dialog seperti itu kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah.

Dengan merujuk kepada pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Sedunia (WTO) dan kesan globalisasi, beliau berkata, negara-negara membangun tidak boleh melakukan apa-apa tindakan yang boleh menentukan hala tuju perjalanan kedua-dua proses itu tanpa membentuk ikatan yang kukuh.

Berdasarkan maklum balas setakat ini, kata beliau, negara-negara peserta merasakan pihaknya kini bersatu untuk menghadapi cabaran meskipun mempunyai perselisihan fahaman dan berlainan pandangan.

“Mereka memahami nilai untuk bertindak secara bersama. Mereka juga kini menunjukkan petanda-petanda untuk mengambil tindakan bersama.

“Sebagai contoh, dalam menghadapi kesan WTO, mereka berpendapat bahawa negara-negara Afrika perlu ada pendirian bersama,” katanya lagi.